

# Kuala Langat hab nanas

**Dapat direalisasikan bersandarkan gerak kerja Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia**

NUR FARHANA  
ABDUL MANAN

KUALA LANGAT

Kuala Langat berpontesi menjadi hab nanas di negeri ini bersandarkan gerak kerja dilakukan Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia selain pelbagai program akar umbi, bantuan dan khidmat nasihat yang diberikan kepada pengusaha tanaman sejak sekian lama.

Ahli Parlimen Kuala Langat, Dr Xavier Jayakumar berkata, nanas merupakan industri makanan berdaya maju, dengan kedudukan ketiga dalam senarai buah-buahan utama negara selepas durian dan

pisang, sudah pasti ia membuka banyak peluang dan ruang untuk peningkatan pendapatan rakyat khususnya pengusaha kecil.

Katanya, penghasilan produk seperti kertas, kraftangan dan pelbagai produk sampingan lain yang menggunakan daun nanas sebagai bahan asas menunjukkan industri tanaman nanas berpotensi dikembangkan sepenuhnya.

Justeru, katanya gabungan semua agensi kerajaan terutama melibatkan aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) perlu supaya pembangunan tanaman nanas dapat dibangunkan secara menyeluruh.

“Saya berbesar hati melihat penglibatan semua agensi kerajaan termasuk Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia, Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Tun Hussien Onn Malaysia (UTHM), Jabatan Pertanian, Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) Selangor dan Pejabat Tanah Daerah Kuala Langat dalam program pembangunan nanas di kawasan Kuala Langat ini.



Naib Canselor UPM, Prof Datin Paduka Dr Aini Ideris (tiga dari kanan) menyampaikan plak penghargaan kepada Dr Xavier, semalam.

“Jika dulu kita biasa menggar buah nanas hanya digunakan sama ada untuk tujuan masakan atau dimakan segar, namun pada hari ini, pelbagai produk keluaran dapat dihasilkan dengan menggunakan daun nanas sebagai bahan asas.

“Syabas dan tahniah atas usa-

ha penyelidik dari UPM dan UTHM yang berusaha membangunkan kajian dan menjalankan program pembangunan berkenaan di daerah ini,” katanya ketika berucap merasmikan Program Pembangunan Hub Nanas Kuala Langat di Balai MPKK, Batu 10 Kebun Baharu, Telok Panglima

info

Nanas merupakan industri makanan berdaya maju, dengan kedudukan ketiga dalam senarai buah-buahan utama negara

Garang, semalam.

Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli itu berkata, beliau sentiasa menyokong gerak kerja dilakukan agensi terlibat dan berharap ia ditambah baik dari semasa ke semasa terutama berkaitan dengan modal insan dan pembangunan ekonomi menyeluruh.

Katanya, ketika ini 72 peserta berdaftar dalam Program Pembangunan Hub Nanas Kuala Langat melibatkan keluasan tanah seluas 29.6 hektar.

Beliau yakin dengan kerjasama dan strategi pihak terlibat, kadar keluasan tanaman, bilangan pengusaha serta kadar pengeluaran nanas akan bertambah pada masa hadapan.